

# Pas nafi cuba singkirkan beberapa tokoh tak sehaluan

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Pas hari ini menafikan dakwaan kononnya ia sedang berusaha untuk menyingkirkan pemimpinnya yang tidak sehaluan pendapat dengan pucuk pimpinan parti.

"Perkara itu tidak timbul sama sekali dan tidak terlintas di fikiran kami untuk melucutkan keanggotaan mana-mana anggota Pas seperti yang didakwa oleh Barisan Nasional," tegas Setiausaha Agung Pas, Haji Hassan Shukri.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Setiausaha Biro Agama Umno Kelantan, Haji Wan Lokman, kononnya pucuk pimpinan Pas akan memecat beberapa orang pemimpinnya termasuk anggota jawatankuasa agung parti, Haji Abu Bakar Hamzah kerana tidak setuju dengan Pas

yang mirip kepada ala pimpinan Iran.

Haji Hassan mensifatkan tuduhan itu sebagai fitnah semata-mata terhadap Pas.

Beliau juga menjelaskan Pas tidak pernah mengatakan hendak meniru Iran atau memandang ke mana-mana sama ada barat, timur, utara atau selatan.

"Perjuangan kami semata-mata berlandaskan al-Quran dan berusaha menegakkan kesucian Islam," tegasnya.

Mengenai dakwaan bekas orang kuat Pas, Haji Zahari Awang yang kini Ketua Pemuda Hamim, bahawa calon Pas bagi pilihanraya Kemumin dan Selising bukan dari orang ulama, Haji Hassan berpendapat ia jelas menunjukkan Hamim tidak faham dengan konsep pimpinan ulama yang dikehendaki oleh Pas.

"Yang kami kehendaki, ulama cuma di peringkat pimpinan tertinggi dan adalah mustahil untuk mensyaratkan semua anggota Pas di peringkat cawangan atau bahagian juga terdiri dari ulama," tambah beliau.

Beliau juga menyuarakan keyakinan Pas akan memenangi pilihanraya kecil di Kemumin, Selising dan Tampin

"Soal kalah atau menang tidak timbul bagi Pas, tetapi apa yang hendak diutarakan kepada pengundi termasuk bukan Islam ialah perjuangan Pas mengikut dasar yang ditentukan oleh Islam."

Beliau berpendapat pengundi terutama bukan Islam kini takut dengan Pas dan memberi jaminan Pas tidak bermaksud menzalimi atau menganiayai mereka.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia